

UUM ONLINE: Hasrat Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka seperti yang diputuskan oleh Pengurusan UUM amatlah bertepatan dengan idea asal penubuhan universiti ini.

Oleh itu, UUM perlu meneruskan penawaran program pengajian yang berteraskan kepada bidang pengurusan kerana bidang ini amat penting untuk pembangunan negara.

Tun Dr. Mahathir berkata demikian semasa menerima kunjungan hormat Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana Putrajaya, pagi, semalam.

Tambah Mahathir lagi, staf akademik UUM juga perlu berusaha secara agresif melaksanakan penyelidikan dan perundingan serta mampu menerbitkan hasil penyelidikan selaras dengan fungsi yang perlu dimainkan oleh universiti ini.

Katanya, bidang pengurusan merupakan teras ilmu amat penting yang akan memastikan pentadbiran dan pengurusan sesuatu organisasi dapat dilaksanakan dengan sempurna dan sistematik.

Kunjungan hormat oleh Mustafa bertujuan untuk melaporkan perkembangan terkini UUM dan membentangkan perancangan yang telah dibuat untuk memastikan Universiti ini akan mencapai kecemerlangan yang boleh membanggakan semua pihak dan mampu memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Mustafa berkata, pandangan dan nasihat Tun Dr Mahathir amat penting dan sangat diperlukan demi memastikan pembangunan dan kemajuan UUM pada masa depan adalah selari dengan hasrat awal penubuhan universiti yang terbina hasil cetusan idea Perdana Menteri kelima itu.

Antara perkara yang dibentangkan ialah mengenai Pelan Transformasi UUM bagi fasa pertama untuk tempoh lima tahun bermula 2011.

Pelan Hala Tuju baru itu adalah bertujuan meletakkan UUM setanding dengan universiti terkemuka dalam negara menjelang tahun 2015 dan turut dibentangkan ialah rangka Pelan Hala Tuju untuk fasa kedua bermula tahun 2016 hingga 2020 yang kelak diharap akan meletakkan UUM tersohor di persada dunia.

Kata Mustafa, pelan strategik baru untuk tahun 2011-2015 yang dilancarkan pada 1 Januari 2011 bertujuan meningkatkan reputasi UUM sebagai universiti pengurusan dengan menumpukan kepada empat teras utama iaitu pertama, membangunkan kecemerlangan aktiviti kesarjanaan serta kedua, membangunkan pelajar secara holistik.

"Ketiga, memperkasakan aktiviti akademik dan antarabangsa, dan terakhir, melestarikan sumber kewangan," katanya.

Sambil mengalu-alukan langkah UUM melaksanakan Pelan Transformasi ini, Mahathir berharap UUM dapat menekankan tentang kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris dan keutuhan etika yang murni dalam kalangan staf dan pelajar kerana ia amat penting.

Semangat nasionalisme tidak akan luntur walaupun penekanan diberikan kepada Bahasa Inggeris malah penguasaan bahasa kedua itu akan meningkatkan lagi kewibawaan bangsa kita di persada antarabangsa.

Mahathir juga berkata, etika yang murni amat penting kepada staf dan mahasiswa kerana ia akan menentukan kemajuan dan kemakmuran negara pada masa depan.

Jelas beliau, perbuatan seperti rasuah amatlah jijik dan perlulah dihindarkan jika kita ingin menjadikan negara ini maju dan rakyatnya bermaruah.

Mustafa juga turut menyatakan hasrat UUM untuk menjadi Kampus Bebas Cukai. Cadangan ini adalah selari dengan Teras Strategi ke-4 UUM iaitu melestarikan sumber kewangan dengan usaha penjanaan kewangan melalui perniagaan bebas cukai.

Menurut beliau lagi, usaha ini boleh menjadi pemangkin kepada UUM yang menawarkan program perniagaan berteraskan *edutourism*.

"Ini berikutan UUM juga menawarkan program Pelancongan dan Hospitaliti serta lain-lain program pengurusan yang bersesuaian bagi melaksanakan kampus bebas cukai itu.

"Malahan UUM boleh dijadikan lokasi strategik dari segi pelancongan kerana mempunyai kemudahan penginapan seperti hotel, penginapan asrama di 15 dewan penginapan pelajar, kemudahan sukan dan rekreasi seperti Padang Golf, Litar Go-Kart, Lapang Sasar Memanah, Taman Rusa, Kem Sintok untuk aktiviti lasak, tasik untuk rekreasi, kompleks sukan yang lengkap dan sebagainya," katanya.

Kemudahan ini pastinya mampu menjadi pelengkap kepada keperluan menjayakan pelbagai program berteraskan *edutourism* yang bakal menjana pendapatan lumayan untuk UUM.

Sambil tidak menolak idea ini, Mahathir berkata, kajian terperinci harus diadakan agar perniagaan bebas cukai dalam kampus UUM boleh dimajukan dan memenuhi peraturan yang ditetapkan.

Dalam pertemuan tersebut, Mustafa juga turut menjelaskan serta mendapatkan sokongan Tun Dr Mahathir untuk mewujudkan beberapa buah Kursi Profesor untuk bidang pengurusan yang khusus yang akan dibiayai oleh beberapa penaja swasta.

Katanya, cadangan ini akan dapat direalisasikan sekiranya mendapat persetujuan penaja berkenaan dan yakin kelak ia mampu memberi manfaat yang besar kepada negara.

Sambil menyatakan kesyukuran kerana bekas Perdana Menteri ini sudi membantu untuk memberi sokongan bagi menjayakan perancangan UUM itu, Mustafa memberi jaminan bahawa semua pihak di UUM akan bekerja keras untuk memastikan universiti ini terus maju dan dapat menempa pelbagai kecemerlangan pada masa depan.

Kunjung hormat yang julung kali diadakan oleh Mustafa setelah menjawat jawatan Naib Canselor UUM juga dihadiri isteri bekas Perdana Menteri itu, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut serta mengikuti kunjungan ini adalah Pengarah Canselori, Baharudin Yaacob dan Pegawai Khas kepada Naib Canselor, Mohd Khairy Mukhtaruddin.

Habis

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my